



Penguatkuasaan KPDNHEP laksana sistem e-enforcement, percepatkan proses rekod data pemeriksaan, siasatan

Bawa gajet masa operasi



Rangka motosikal rosak dibiarkan berlonggok



Dapur Nenek sedia juadah murah



SEORANG pegawai penguatkuasa KPDNHEP membuat pemeriksaan ke atas peniaga pasar malam di ibu kota baru-baru ini.

SERAMAI kira-kira 2,300 pegawai penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan dibekalkan dengan gajet dalam operasi ke atas premis-premis perniagaan bagi merekodkan semua data bagi tujuan siasatan dan tindakan.

Langkah itu selaras dengan perubahan proses pelaksanaan e-enforcement iaitu mendigitalkan keseluruhan sistem penguatkuasaan termasuk operasi pemeriksaan di lapangan bermula tahun hadapan.

Pengarah Penguatkuasanya, Datuk Iskandar Halim

Sulaiman berkata, selepas ini pegawai-pegawai penguatkuasaan KPDNHEP tidak lagi tampil dengan buku rekod sebaliknya dibekalkan dengan telefon bimbit bagi memasukkan semua data yang dapat diakses oleh ibu pejabat agensi dengan pantas dari seluruh cawangannya termasuk Sabah dan Sarawak.

"Selalunya pegawai kita pergi buat pemeriksaan menggunakan kertas, jadi saya tidak mahu ia berterusan begitu. Saya mahu mereka menggunakan aplikasi sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini," jelasnya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Jana ratusan ribu ringgit hasil peras ugut peniaga

KUALA LUMPUR - Sekumpulan individu mampu menjana ratusan ribu ringgit dalam tempoh satu bulan melalui aktiviti pemerasan dan mengugut peniaga-peniaga di pasar

borong di sekitar ibu kota. Kegiatan yang berlaku di sekitar ibu negara dipercayai telah berlarutan sejak dua tahun lalu. Malah keadaan itu men-

gakibatkan beberapa peniaga terpaksa membelanjakan wang yang banyak bagi membayar sewa dan dipercayai menjadi punca kenaikan harga barang. Ini kerana, peniaga terpaksa membayar dua kos sewaan iaitu bayaran sewa harian dan bulanan yang mana jumlah keseluruhannya dianggarkan berjumlah RM3,000.

Perkara tersebut didedahkan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim selepas pihaknya membuat siasatan di lokasi terbabit baru-baru ini.

"Pada awalnya mereka menyewakan kanopi atau tapak kepada peniaga dengan sejumlah bayaran bulanan yang mana kadar sewaan adalah dalam lingkungan RM1,200

hingga RM1,500.

"Pada masa sama terdapat individu yang cuba mengambil kesempatan dengan mengarahkan peniaga membayar sewa harian yang berjumlah RM40," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Jelas Mazlan, kumpulan penjenayah tersebut juga akan mengugut untuk melaporkan aktiviti perniagaan tersebut kepada pihak berkuasa sekiranya bayaran sewa harian tidak dijelaskan.

Tegas beliau, ekoran kegiatan tersebut, pihaknya telah menahan seorang lelaki berumur 31 tahun dan memburu dua

lagi individu.

Ujar beliau, kesemua mereka disyaki terlibat dengan unsur-unsur pemerasan ke atas beberapa peniaga di sekitar pasar borong di ibu negara.

Tambah beliau, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan iaitu melakukan pemerasan dan orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat diminta menghubungi Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-2115 9999, Bilik Gerakan Khas 24 Jam Jabatan Siasatan Jenayah Polis Kuala Lumpur di talian 03-2146 0670 atau hadir ke mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



KEGIATAN memeras ugut peniaga di pasar borong di sekitar ibu negara sedang dipantau pihak polis. - Gambar hiasan.



MAZLAN

Pegawai KPDPNHEP dilengkapi perisian rekodkan data operasi, siasatan

Penguatkuasa bawa gajet buat pemeriksaan

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mendigitalkan keseluruhan sistem penguatkuasaan termasuk operasi pemeriksaan di lapangan menerusi sistem e-penguatkuasaan bermula tahun hadapan.

Pengarah Penguatkuasanya, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, peruntukan bagi pelaksanaan sistem tersebut sudah diperolehi dan perisian-nya sedang dibina.

"Sistem baharu itu akan bermula awal Januari tahun hadapan berikutan perisiannya dijangka siap pada suku ketiga atau keempat tahun ini.

"Menerusi sistem elektronik ini, kita percaya bahawa urusan pemeriksaan dapat dipercepatkan manakala rekod kes dapat diperkemaskan sekali gus memudahkan tindakan diambil ke atas pesalah," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.



ISKANDAR

Menurut Iskandar Halim, selain mempercepatkan urusan pemeriksaan, pelaksanaan e-penguatkuasaan juga memudahkan pegawai di ibu pejabat mengakses kes serta operasi yang dijalankan di lokasi cawangan termasuk Sabah dan Sarawak.

Ini kerana, jelas beliau, aplikasi tersebut dihubungkan secara terus ke ibu pejabat dan pegawai terbabit dapat mengakses sejurus selepas data pemeriksaan di lapangan dimasukkan ke dalam sistem baharu itu.

Beliau memberitahu, langkah tersebut juga menyumbang kepada penjimatan kerana pegawai di lapangan tidak lagi menggunakan kertas sebaliknya beralih kepada pendigitalan.

"Saya mahu memodenkan cara kerja secara elektronik dengan menggunakan e-penguatkuasaan (e-enforcement). Pegawai yang turun ke lapangan atau masuk premis perniagaan boleh menggunakan telefon atau gajet yang dibekalkan untuk memasukkan data.

"Selalunya pegawai kita pergi buat



PEGAWAI penguatkuasa KPDNHEP pada masa ini terpaksa mencatatkan maklumat secara manual ketika membuat pemeriksaan. - Gambar hiasan

pemeriksaan menggunakan kertas, jadi saya tidak mahu ia berterusan begitu. Saya mahu mereka menggunakan aplikasi sejajar dengan perkembangan

teknologi masa kini," jelasnya.

▪ **WAWANCARA PENUH DI MUKA 6 DAN 7**

PLANMalaysia, Kedah lancar draf rancangan Daerah Kuala Muda 2035

SUNGAI PETANI - PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) dengan kerjasama kerajaan negeri Kedah dan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) baru-baru ini melancarkan Draft Rancangan Tempatan Kuala Muda 2035 (Penggantian).

Draf Rancangan Tempatan itu

bagi menggantikan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2020.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir berkata, draf tersebut penting untuk memandu arah perancangan pembangunan Daerah Kuala Muda di bawah pentadbiran MPSP sehingga tahun 2035.

"Program publisiti (draf tersebut) bermula dari 1 hingga 20 April ini membolehkan semua pihak berkepentingan khususnya dalam pembangunan hartanah dan penduduk setempat dapat menyemak serta membuat bantahan, cadangan atau penambahbaikan terhadap draf tersebut," katanya ketika

berucap merasmikan Majlis Pelancaran Draft Rancangan Tempatan di sini baru-baru ini.

Terdahulu Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia, Datuk Mohd. Anuar Maidin berkata, pihaknya sentiasa komited untuk membantu dalam proses menyedai Rancangan Tempatan

(Penggantian) selaras dengan peruntukan Seksyen 16 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

"Bagi tahun ini, sebanyak enam kajian Rancangan Tempatan (Penggantian) melibatkan kos sebanyak RM2.87 juta telah diperuntukkan Kementerian Wilayah Persekutuan," katanya.

Azizi kongsi memori di perantauan

Oleh **AINI MAWAWI**
ainiwilayahku@gmail.com

Foto **NAZIRUL ROSELAN**

MEMORI manis ketika menuntut di United Kingdom pada era tahun 80-an membuatkan Datuk Azizi Ahmad Termizi, 58, terpengil untuk berkongsi pengalaman indah dalam buku karya tulisannya, *Fish & Chips with Salt & Vinegar*.

Beliau yang merupakan Naib Presiden (Perkhidmatan Bandar) Jabatan Perkhidmatan Bandar Perbadanan Putrajaya juga merupakan seorang yang aktif menulis dalam blog peribadi dikenali sebagai Seri Kepayang.

Biarpun pada awalnya tidak terlintas di fikirannya untuk menulis buku, atas desakan adik kandungnya, Azman akhirnya Azizi berjaya menghasilkan sebuah buku menarik menceritakan tentang pengalaman bersama teman-teman ketika berada jauh di perantauan.

Ditanya tentang sisi menarik buku tersebut, beliau menjelaskan, mereka yang pernah belajar di luar negara terutamanya di United Kingdom (UK) pasti lebih tertarik membacanya kisahnya memandangkan sudah pasti ia sedikit sebanyak bersangkutan paut dengan kisah mereka.

"Buku setebal 273 halaman muka surat itu sarat dengan pengalaman suka

duka ketika saya belajar di sana pada tahun 80-an. Kisah yang penuh dengan kenangan yang sudah tentu tidak dapat dijual beli.


"Saya pernah mendapat maklum daripada seorang pembaca di mana dia berterima kasih kerana menulis apa yang turut pernah dilaluinya ketika bergelar pelajar di UK. Tak sangka ia diterima ramai," ujar lelaki kelahiran Kuala Kangsar, Perak ini.

Ber cerita lanjut tentang pengalaman di UK selama enam tahun, Aziz berkata, pengalaman kali pertama memasak adalah antara yang tidak dapat dilupakan di mana beliau dan rakan-rakan terpaksa meredah perjalanan selama dua jam untuk mendapatkan barang basah.

"Ketika tinggal dengan emak, tak mahu belajar masak tetapi apabila di perantauan terpaksa memasak sebab perut lapar. Di tempat tinggal kami dulu, sukar untuk mendapatkan ayam yang halal, jadi terpaksa pergi jauh untuk membelinya," ceritanya.

Mengenai cabaran ketika menulis buku ini, Azizi berkata, antara dugaan yang dilalui adalah beliau agak sukar untuk mengingati pengalaman lebih 30 tahun lalu kerana usia yang sudah tua. Ekoran itu, beliau terpaksa meminta bantuan daripada rakan-rakan seperjuangan di universiti dahulu.

"Mujurlah sekarang ada kumpulan Whatsapp. Jadi kami berkongsi cerita



AZIZI menunjukkan buku *Fish & Chips with Salt & Vinegar*.

dan gambar-gambar yang masih ada dalam simpanan masing-masing. Salah seorang rakan yang banyak membantu adalah Roger Tang iaitu teman satu jurusan ketika di University of Manchester dahulu.

"Alhamdulillah walaupun mengambil masa hingga lima tahun untuk menyiapkan buku ini akibat kekangan masa, akhirnya ia berjaya diterbitkan. Sambutan pula cukup menggalakkan," ujar bekas pelajar Blackpool College of Technology and Art, UK ini.

Kehadiran *Fish & Chips with Salt & Vinegar* turut dapat menjadi bahan bacaan

untuk anak-anaknya bagi mengetahui lebih lanjut tentang pengalaman diri ayah mereka ketika di alam remaja.

"Biasanya anak-anak tidak selalu bercerita dengan bapa berbanding ibu. Jadi dengan cara ini sudah pasti mereka mengenali siapa bapa mereka dan secara tidak langsung menjadi panduan buat mereka suatu hari nanti," ujar bapa kepada empat orang anak ini.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan buku karya Aziz ini boleh hubungi talian 016-318 7475 atau layari laman Facebook Azizi AT: *Fish & Chips with Salt & Vinegar*.

13 laluan dikenal pasti jadi lorong buku

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanzambry@gmail.com

KUALA LUMPUR - Pihak sekretariat Ibu Kota Buku Dunia (WBC) KL 2020 telah mengenal pasti senarai lorong-lorong di sekitar kawasan di ibu kota yang berpotensi untuk dijadikan lorong buku.

Menurut Penolong Pengarah Kanan Perpustakaan Kuala Lumpur, Normah Abdul Motalib yang juga anggota Sekretariat KLWBC2020, sebanyak 13 laluan akan dibangunkan sebagai lorong buku yang dijadikan salah satu tarikan pada program berkenaan.

"Setakat ini pihak sekretariat telah mengenal pasti beberapa lorong yang berpotensi untuk dicadangkan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)



NORMAH



KAWASAN pejalan kaki di Leboh Ampang antara laluan yang dicadang sebagai lorong buku.

sebagai lorong buku.

"Terdapat beberapa proses yang perlu dilalui seperti lawatan tapak untuk kawasan yang dicadangkan bagi menilai kesesuaiannya sebelum pihak DBKL memberi maklum balas," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Menurut Normah lagi, senarai lorong-lorong yang dicadangkan itu masih belum dimuktamadkan kerana terdapat beberapa laluan yang dicadangkan terdapat beberapa masalah lain.

"Ada lorong yang disenaraikan mempunyai jajaran yang terlalu panjang dan ada juga lorong yang tidak sesuai," katanya.

Jelas Normah lagi, setiap lorong buku ini akan dimuktamadkan oleh pihak DBKL sebelum ia dibangunkan dan diserahkan kepada bandar raya-bandar raya yang pernah menjadi Ibu Kota Buku Dunia.